




“  
Kumpulan Public Bank  
terus komited terhadap  
tujuannya sebagai bank  
yang berteraskan  
orang ramai  
”

 **13.0 %**  
Pulangan ekuiti

 **0.59 %**  
Nisbah pinjaman  
terjejas kasar

 **33.7 %**  
Nisbah kos kepada  
pendapatan

# ULASAN OLEH PENGARAH URUSAN/ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

TAN SRI DATO' SRI DR. TAY AH LEK  
Pengaroh Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif

Persekitaran global pada tahun 2023 adalah mencabar. Banyak negara berdepan dengan pelbagai cabaran berpunca daripada inflasi yang tinggi, ketegangan geopolitik dan dasar kewangan yang lebih ketat, yang menyebabkan pertumbuhan ekonomi yang perlahan. Bagaimanapun pada peringkat domestik, ekonomi Malaysia mengekalkan pertumbuhan KDNK sebanyak 3.7% pada tahun 2023, disokong oleh permintaan domestiknya yang berdaya tahan.

Ekonomi domestik juga berdepan dengan beberapa cabaran. Di tengah-tengah persekitaran operasi yang semakin rumit, Kumpulan Public Bank terus mencapai pertumbuhan dengan mengukuhkan kecekapan terasnya dalam segmen perbankan runcit dan memanfaatkan asasnya yang teguh bagi meningkatkan daya tahannya terhadap cabaran-cabaran ini. Kumpulan juga mengambil langkah nyata dalam usaha kelestariannya untuk menggandakan nilai pihak-pihak yang berkepentingan. Lebih daripada itu, Kumpulan kekal komited terhadap tujuannya sebagai bank yang berteraskan orang ramai.

## **PRESTASI KEWANGAN YANG BERDAYA TAHAN**

Urus tadbir yang baik, berserta pengurusan yang proaktif dan berhemat, sentiasa menjadi lambang kejayaan Kumpulan Public Bank. Nilai-nilai ini terus menyumbang kepada kestabilan kewangan Kumpulan sejak dahulu lagi.

Bagi tahun kewangan 2023, Kumpulan Public Bank mencatat keuntungan bersih lebih tinggi milik pemegang saham sebanyak 8.7% kepada RM6.65 bilion. Berikutan itu, Kumpulan Public Bank terus mengekalkan penerajuannya dengan pulangan ekuiti bersih sebanyak 13.0% dan nisbah kos kepada pendapatan yang cekap sebanyak 33.7%.

Dalam segmen perniagaan terasnya, Kumpulan Public Bank mencapai jumlah pertumbuhan pinjaman sebanyak 5.9%. Pada peringkat domestik, Kumpulan mencapai kadar pertumbuhan yang membanggakan sebanyak 6.4% dalam pembiayaan hartanah kediaman dan 10.8% dalam pembiayaan sewa beli kenderaan, menerajui bahagian pasaran masing-masing sebanyak 20.4% dan 30.5%.

Kumpulan Public Bank juga sentiasa menyokong perusahaan kecil dan sederhana ("PKS") yang berperanan sebagai pemacu pertumbuhan negara. Pada tahun 2023, Kumpulan meraih bahagian pasaran PKS domestik sebanyak 17.9% dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM67.9 bilion pada akhir tahun 2023.

Dengan amalan pemberian pinjaman yang berhemat dan portfolio pinjaman teguh yang dibina sejak dahulu, Kumpulan Public Bank terus mencapai kualiti aset yang baik dengan nisbah pinjaman pengurangan nilai kasar sebanyak 0.59% pada akhir tahun 2023, jauh lebih baik berbanding dengan nisbah pinjaman pengurangan nilai kasar industri perbankan sebanyak 1.65%.

Dari segi pengambilan deposit, Kumpulan Public Bank mencatat pertumbuhan deposit sebanyak 4.6% pada tahun 2023. Kedudukan mudah tunai kekal pada tahap yang baik dengan nisbah perlindungan mudah tunai sebanyak 136.8% pada akhir tahun 2023.

Subsidiari milik penuh Kumpulan, Public Mutual yang menguruskan perniagaan unit amanahnya, terus menerima sokongan daripada pelanggan, seperti yang ditunjukkan dalam bahagian pasarannya yang mendahului sebanyak 35.9% dalam industri unit amanah peribadi runcit domestik pada akhir tahun 2023. Pada tahun yang sama, Public Mutual mencatat keuntungan sebanyak RM798 juta dengan peningkatan nilai aset bersih sebanyak RM97.1 bilion pada akhir tahun 2023.

## **Selain memenuhi keperluan perbankan pelanggan, Kumpulan Public Bank turut mempertimbangkan keperluan masyarakat dalam strateginya yang mendahulukan orang ramai.**

### **STRATEGI MENDAHULUKAN ORANG RAMAI**

Sebagai menyokong strateginya yang mendahulukan orang ramai, Kumpulan Public Bank memberi penekanan kepada keterangkuman dalam kebolehcapaian kewangan. Ke arah itu, Kumpulan terus mengguna pakai strategi *omni-channel* (saluran pelbagai arah), yang mana perkhidmatan perbankan dan interaksi secara bersemuka boleh didapati di cawangan mahupun platform dalam talian.

Selain 293 buah cawangan domestik yang ditempatkan secara strategik di seluruh negara untuk memberi perkhidmatan kepada orang ramai, Kumpulan Public Bank terus mengembangkan saluran perkhidmatan digitalnya, dalam usaha meningkatkan lagi pengalaman pelanggan.

Sejak sekian lama, dengan platform perbankan dalam taliannya yang terus ditambah baik dengan perkhidmatan yang lebih lancar dan menyenangkan, Kumpulan Public Bank telah mencatatkan peningkatan ketara dari segi jumlah pengguna saluran dalam taliannya. Sejak lima tahun lepas, pengguna aktif bagi perbankan internet PBe meningkat sebanyak 46%, manakala platform mudah alih PB enterprise dan PB engage masing-masing berkembang lebih dua kali ganda.

Berikutan inisiatif proaktifnya dalam menggalakkan bayaran elektronik, Kumpulan Public Bank terus diiktiraf apabila merangkul Anugerah Kecemerlangan e-Pembayaran Malaysia 2023 anjuran PayNet, yang mana Bank menerima Anugerah Pengiktirafan Khas untuk Sumbangan Cemerlang kepada Pembayaran Merentas Sempadan.

Pada ketika teknologi perbankan terus berkembang, Kumpulan Public Bank amat berwaspada terhadap risiko penipuan. Kumpulan mengambil pendekatan seimbang dalam memacu transformasi digital dan memastikan daya tahan siber untuk melindungi kepentingan pelanggannya.

Bagi meningkatkan keberkesanan pencegahan penipuan, Kumpulan Public Bank telah mengambil pelbagai pendekatan, antaranya PB SecureSign untuk penentusahan urus niaga, fungsi *kill switch* yang membolehkan pelanggan menyahaktifkan akaun dalam talian mereka, serta tempoh bertenang untuk urus niaga yang luar daripada kebiasaan. Kumpulan sentiasa memastikan inisiatifnya selaras dengan amalan terbaik industri mengikut panduan Bank Negara Malaysia bagi meningkatkan keberkesanan usaha bersama dalam menjaga kepentingan pelanggan.

Dengan melaksanakan langkah-langkah ketat ini, Kumpulan berjaya menyenaraihitamkan kira-kira 151,000 akaun keldai setakat bulan Disember 2023 yang telah melindungi 876,000 pelanggan daripada ditipu dan menghalang RM1.4 bilion daripada dipindahkan secara penipuan ke dalam akaun *scammer*.

Selain memenuhi keperluan perbankan pelanggan, Kumpulan Public Bank turut memasukkan keperluan masyarakat dalam strateginya yang mendahulukan orang ramai.

Sebagai sebahagian daripada hala tuju kelestariannya, Kumpulan Public Bank menyasarkan untuk membelanjakan RM10 juta untuk masyarakat menjelang tahun 2030. Ke arah matlamat ini, pada tahun 2023, Kumpulan merupakan bank pertama di Malaysia yang memulakan program Eco-Schools dengan kerjasama Green Growth Asia Foundation. Berperanan sebagai perintis bagi inisiatif pendidikan iklim di sekolah-sekolah, Kumpulan membelanjakan sebanyak RM1.2 juta untuk program tersebut yang berlangsung dari tahun 2023 sehingga 2025.

Kumpulan Public Bank turut bergiat aktif dalam program pembinaan kapasiti bagi meningkatkan kesedaran umum tentang pembangunan lestari. Pada tahun itu juga, Kumpulan menganjurkan seminar bertemakan “Mendukung Pembangunan Lestari: Masa Hadapan Pemaju PKS,” dengan menjemput pakar bidang yang berkenaan untuk berkongsi pengetahuan dan panduan dengan PKS, selain memupuk pelaksanaan amalan lestari terbaik dalam kalangan mereka.

Pada tahun 2023, inisiatif proaktif Kumpulan Public Bank yang menyumbang kepada pembangunan lestari diiktiraf oleh penerbitan tersohor seperti FinanceAsia dan Corporat Governance Asia, yang telah menganugerahkan Kumpulan dengan Anugerah Impak ESG Terbaik, Bank Lestari Terbaik di Malaysia dan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Terbaik di Asia.

## **ORGANISASI BERTERASKAN ORANG RAMAI**

Di tengah-tengah persekitaran perniagaan yang dinamik, Kumpulan Public Bank menjamin masa hadapan kakitangannya dengan memastikan mereka kekal relevan dan berkebolehan dalam landskap perniagaan baharu, di samping menjaga kesejahteraan kakitangan.

Kumpulan sentiasa menggalakkan kakitangannya bergerak pantas untuk mencapai kemajuan peribadi mereka. Inisiatif utama yang Kumpulan lancarkan pada tahun 2023 ialah Sistem Pembangunan Bakat dan Platform Perkongsian Pembelajaran, yang memberi peluang kepada kakitangan untuk merealisasikan aspirasi kerjaya mereka di samping memperluaskan saluran pembangunan bakat Kumpulan.

Usaha ini mendorong kakitangan untuk meneroka peluang pekerjaan dalam Kumpulan Public Bank. Platform ini turut memberi set kemahiran dan kursus yang diperlukan untuk memperoleh kemahiran pekerjaan untuk jawatan tertentu kelak.

## **PROSPEK KUMPULAN**

Melangkah ke tahun 2024, persekitaran global terus tidak menentu dengan cabaran berterusan dalam ekonomi dan landskap politik global. Walaupun Malaysia sebagai negara ekonomi terbuka berkemungkinan terus terjejas dengan cabaran-cabaran ini, ekonomi dijangka kekal stabil disokong oleh permintaan domestik.

Bagi Kumpulan Public Bank, amalan berteraskan orang ramai telah menjadi asas kepada budaya korporat Kumpulan sejak penubuhannya oleh mendiang Pengerusi Emeritus, Tan Sri Dato' Sri Dr. Teh Hong Piow.

Sambil meneruskan tradisi kecemerlangan, Kumpulan Public Bank akan berpegang pada falsafah penubuhannya sebagai 'Bank untuk Orang Ramai' dan secara proaktif mencari peluang pertumbuhan yang mencipta nilai. Kumpulan juga akan terus berwaspada di tengah-tengah persekitaran global yang tidak menentu, memastikan penjanaaan nilai mampan untuk pihak yang berkepentingan dengannya pada tahun mendatang.

### **Tan Sri Dato' Sri Dr. Tay Ah Lek**

Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif